

12 AUG 1998

GOLONGAN DEWASA DIGALAK MEMBACA

KUANTAN, 12 Ogos (Bernama) -- Budaya membaca buku secara terurus perlu disemai di kalangan golongan dewasa bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata budaya membaca di kalangan golongan dewasa belum mencapai tahap membanggakan memandangkan sejumlah besar pengunjung ke perpustakaan awam sekarang merupakan kanak-kanak dan pelajar sekolah.

Masyarakat harus meluangkan masa untuk membaca secara terurus, umpamanya sebelum tidur atau bila-bila sahaja kelapangan, katanya selepas melancarkan kempen derma buku peringkat negeri Pahang di sini.

Kempen derma buku peringkat kebangsaan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur 5 Ogos lepas dan semua bahan bacaan yang didermakan itu akan disalurkan ke perpustakaan desa seluruh negeri. Ia dianjurkan bersama oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (Kemas), Petronas dan Pos Malaysia Berhad.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa, Datuk Omar Othman berkata Kemas ditugaskan menyusun setiap bahan bacaan itu mengikut kategori, umpamanya buku kanak-kanak, ilmiah atau bacaan ringan sebelum dihantar kepada perpustakaan luar bandar yang telah dikenal pasti.

-- BERNAMA

ROS MAI